



## Konsep kolaborasi dalam komuniti pembelajaran professional: Satu tinjauan dari perspektif Islam

Mohd Faiz Mohd Yaakob<sup>1</sup>, Muhamad Rozaimi Ramle<sup>1</sup>, Jamal@Nordin Yunus<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Correspondence: Mohd Faiz Mohd Yaakob (email: azam\_musafir@hotmail.com)

### Abstrak

Kolaborasi menjadi elemen penting kepada model Komuniti Pembelajaran Profesional. Komuniti Pembelajaran Profesional dikenalpasti oleh para sarjana masakini sebagai elemen yang mampu mengubah tradisi pendidikan kepada meningkatkan kualiti pengajaran guru dan prestasi pencapaian muird. Menurut Islam, kolaborasi memberikan makna yang begitu mendalam seperti yang telah dinyatakan dengan jelas sekali didalam Al-Quran. Berdasarkan senario tersebut, kajian membincangkan definisi Komuniti Pembelajaran Profesional, konsep kolaborasi dalam Komuniti Pembelajaran Profesional, kolaborasi menurut perspektif Islam, dan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional menurut Islam. Kesimpulannya, keseluruhan konsep kolaborasi dalam Islam dapatlah disandarkan kepada penganjuran amalan *Ta'awun* yang membawa kepada kebaikan dan Taqwa dan pelarangan amalan *Ta'awun* yang membawa kepada kejahatan dan kemaksiatan.

**Katakunci:** kolaborasi, Komuniti Pembelajaran Profesional, pembangunan professional, pendidikan Islam, perancangan pendidikan, perspektif Islam

## The concept of collaboration in Professional Learning Communities (PLC): An overview of Islamic perspective

### Abstract

Collaboration is a crucial element capable of transforming traditional education and thus is essential in a Professional Learning Community model today seeking to improve teaching quality and performance. According to Islam, the notion of collaboration is vitally far reaching as stated clearly in the Quran and the Hadis. To drive home this point this study overviewed the definition of Professional Learning Communities (PLC), the concept of collaboration in Professional Learning Communities, and the practice of Professional Learning Communities according to the Islamic perspective. In conclusion, the Islamic perspective of collaboration may be anchored in the concept of 'good' and 'evil' *Ta'awun* where *Ta'awun* which leads to good outcomes should be encouraged and *Ta'awun* which leads to evil outcomes must be shunned.

**Keywords:** collaboration, educational planning, Professional Learning Community, Islamic perspective, Islamic education, professional development

## Pengenalan

Istilah *Collaboration* sekiranya diterjemah kepada bahasa Arab memberikan pelbagai makna dan antaranya ialah *ta'awun* (Al-Baalbaky, 2004), dan *Ta'awun* ini dinyatakan dua kali dalam Al-Quran (Al-Baqy, 2001). *Ta'awun* inilah amalan kolaborasi yang menjadi teras utama kepada Komuniti Pembelajaran Profesional. Amalan kolaborasi ini telah dinyatakan dalam Al-quran di dalam surah Al-Maidah (2) seperti mana terjemahan berikut:

“Dan tolong-menolonglah kamu kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan”

Berpandukan ayat Al-Quran tersebut, Allah S.W.T menggariskan bahawa tolong-menolong ataupun kolaborasi ini perlulah di atas landasan perkara kebaikan, manakala larangan tolong-menolong dan kolaborasi kepada perkara kemungkar.

Komuniti Pembelajaran Profesional muncul setelah pelbagai kajian daripada teori dalam bidang pendidikan. Kenyataan tersebut bermaksud istilah Komuniti Pembelajaran Profesional muncul setelah teori organisasi pembelajaran yang diperkenalkan oleh Peter Senge pada tahun 1990 (DuFour & Eaker, 2008). Selepas itu, pelbagai model Komuniti Pembelajaran Profesional diperkenalkan oleh para sarjana antaranta seperti Model Dufour & Eaker (1998), Hord (2004) dan Murphy & Lick (2004).

## Definisi komuniti pembelajaran profesional

Hord (1997) menyatakan Komuniti Pembelajaran Profesional ialah sebagai sebuah sekolah yang mempunyai profesional sekolah iaitu pemimpin sekolah dan guru dalam mencari ilmu dan berkongsi teknik pembelajaran secara berterusan untuk meningkatkan prestasi pencapaian murid. Menurut beliau lagi, sesebuah sekolah yang mengamalkan Komuniti Pembelajaran Profesional memiliki ciri-ciri seperti mana berikut iaitu (a) mempunyai kepimpinan distributif dan menyokong, (b) perkongsian visi dan misi, (c) pembelajaran secara kolektif dan mengamalkan pembelajaran tersebut, (d) persekitaran yang menyokong, dan (e) perkongsian amalan peribadi

Komuniti Pembelajaran juga adalah amalan menyampaikan ilmu kepada komuniti masyarakat di sekolah, termasuk ibu bapa bersama-sama bagi membincangkan peningkatan pencapaian murid menerusi aktiviti penambahbaikan kurikulum dan program pembelajaran murid. Astuto et al. (1993) berpendapat bahawa Komuniti Pembelajaran merupakan usaha guru dan pemimpin di sesebuah sekolah untuk mengenal pasti ilmu dan berkongsi pembelajaran tersebut. Seterusnya, mengamalkan ilmu tersebut untuk meningkatkan keberkesanan profesionalisme mereka bagi manfaat murid.

Berikut merupakan definisi Komuniti Pembelajaran Profesional daripada pelbagai perspektif sarjana:

- (a) Proses berterusan yang melibatkan guru dan pentadbir bekerja secara kolaborasi bagi mengenal pasti dan berkongsi pengetahuan. Seterusnya, mengamalkan pengetahuan tersebut bagi meningkatkan kualiti profesionalisme diri untuk manfaat murid (Hord, 1997).
- (b) Pendidik yang komited untuk bekerja secara kolaborasi dan berterusan dalam aktiviti siasatan dan penyelidikan tindakan. Usaha tersebut adalah untuk mencapai keputusan yang lebih memberangsangkan bagi manfaat murid mereka (Dufour, Eaker & Many, 2006)
- (c) Suatu strategi untuk meningkatkan pencapaian murid dengan mewujudkan budaya sekolah secara kolaborasi yang berfokuskan pembelajaran (Feger & Arruda, 2008)
- (d) Pasukan sekolah yang sering berkolaborasi ke arah penambahbaikan secara berterusan dalam memenuhi keperluan murid melalui perkongsian visi yang berfokuskan kurikulum (Reichstetter, 2006)
- (e) Sekumpulan manusia berkongsi dan menyiasat secara kritikal amalan mereka dalam suasana berterusan, reflektif dan kolaboratif, termasuk berorientasikan pembelajaran dan menggalakkan perkembangannya (McREL, 2003)

- (f) Suatu budaya sekolah yang mengiktiraf dan memanfaatkan kekuatan serta bakat warga sekolah secara kolektif (Protheroe, 2008)
- (g) Satu kumpulan manusia yang didorong oleh perkongsian visi pembelajaran telah menyokong dan bekerjasama untuk menyiasat amalan mereka dan bersama-sama mempelajari pengetahuan baru dan pendekatan yang lebih baik. Usaha tersebut adalah untuk meningkatkan pembelajaran murid (Stoll et al., 2005)

Secara kesimpulannya, Komuniti Pembelajaran Profesional merupakan salah satu amalan penambahbaikan sekolah melalui penstrukturan semula budaya sekolah. Komuniti Pembelajaran Profesional juga merupakan satu proses yang berterusan bagi membangunkan kepimpinan guru khususnya di samping pentadbir dan staf sokongan sekolah yang lain. Malah, dalam sesetengah sorotan kajian, amalan Komuniti Pembelajaran Profesional turut melibatkan murid dan masyarakat setempat. Justeru, dengan penglibatan semua pihak dalam amalan Komuniti Pembelajaran Profesional, guru berupaya meningkatkan kapasiti kepimpinan mereka ketika melaksanakan tugas.

### **Tiga idea utama (*Three big ideas*)**

Tiga idea utama yang diinspirasikan oleh DuFour (2008) telah menjadi idea untuk penambaaian sekolah dan menjadi trend di kebanyakan negara.

#### **1. Idea pertama: Memastikan murid belajar**

Konsep Komuniti Pembelajaran Profesional mengandaikan murid bukan sahaja mempunyai hak untuk menghadiri sesi pengajaran guru, malah mereka turut berhak untuk belajar. Hal ini bermaksud pihak sekolah dilatih untuk melakukan perubahan dengan tumpuan daripada pengajaran kepada pembelajaran.

Seterusnya, setelah murid diberikan hak untuk belajar, pihak sekolah seharusnya menjawab soalan berikut iaitu:

- (i) Apakah yang kita hendak untuk murid belajar?
- (ii) Bagaimanakah caranya untuk mengenal pasti murid yang telah mempelajari sesuatu pengetahuan?
- (iii) Bagaimanakah kita menghadapi murid yang mempunyai pelbagai tahap kecerdasan?

Untuk menjawab soalan ketiga, sekolah yang melaksanakan Komuniti Pembelajaran Profesional seharusnya menghadapi jenis murid tersebut dengan mematuhi cadangan Marzano (2003) seperti mana berikut.

- (i) Segera mengatasi fenomena dengan mengenal pasti murid tersebut
- (ii) Tumpuan kepada tindakan pencegahan segera berbanding menunggu murid untuk ditempatkan dalam kursus pemulihan ketika cuti sekolah
- (iii) Memberikan arahan kepada murid yang mempunyai tahap kecerdasan berlainan untuk mereka meluangkan waktu tambahan dan menerima bimbingan sehingga mereka menguasai sesuatu pengetahuan

#### **2. Idea kedua: Budaya kolaborasi**

Sesebuah sekolah yang mengamalkan Komuniti Pembelajaran Profesional seharusnya menyedari kepentingan bekerja secara berpasukan. Justeru, pihak sekolah perlu mewujudkan budaya kolaborasi. Namun, sesetengah sekolah kurang menggalakkan guru untuk mewujudkan budaya kolaborasi (Boyd & Hord, 2012).

Misalnya, guru bekerja secara berasingan. Pihak sekolah menggalakkan guru melaksanakan amalan kolaborasi tetapi keupayaan guru untuk melaksanakan adalah terhad. Terdapat juga sesebuah sekolah yang melaksanakan aktiviti sekolah secara berasingan misalnya penubuhan jawatankuasa disiplin dan teknologi serta tiada dialog profesional antara mereka.

Hakikatnya, sebuah kolaborasi yang mantap dalam Komuniti Pembelajaran Profesional memerlukan suatu proses yang sistematik melibatkan guru bekerja dalam satu pasukan untuk menganalisis dan penambahbaikan amalan dalam bilik darjah (McLaughlin & Talbert, 2001). Dengan erti kata lain, guru perlu bekerja dalam satu pasukan yang berterusan sehingga mewujudkan sebuah pasukan pembelajaran. Implikasinya, usaha tersebut menghasilkan peningkatan dalam pencapaian murid (Fullan, 2001).

Di samping itu juga, dalam usaha mewujudkan keberkesanan budaya kolaborasi dalam kalangan guru, sesetengah amalan perlu ditamatkan bagi kepentingan murid (DuFour, 2004). Misalnya, pihak sekolah perlu mengutamakan kurikulum yang telah diubahsuai oleh sekolah berdasarkan tahap kecergasan murid berbanding melaksanakan kurikulum piawai yang dibentuk oleh kerajaan dan meningkatkan keciciran dalam kalangan murid (Marzano, 2003).

Justeru, warga sekolah seharusnya berhenti daripada memberikan alasan negatif untuk melaksanakan kolaborasi dengan jayanya. Kenyataan tersebut disokong oleh Barth (1991)

### 3. Idea ketiga: Tumpuan kepada pencapaian

Keberkesanan Komuniti Pembelajaran Profesional adalah berdasarkan hasil pencapaian . Untuk mencapai hasrat tersebut, bekerja dalam satu pasukan merupakan satu kemestian bagi warga sekolah. Mereka seharusnya bekerja secara berterusan untuk mengenal pasti pencapaian semasa murid dan seterusnya menyediakan laporan secara berkala (McLaughlin & Talbert, 2001). Justeru, pihak sekolah bukan sahaja mengalu-alukan guru menyediakan data tetapi mengguna pakai data tersebut untuk ditukar menjadi maklumat berguna dan berkaitan dengan usaha meningkatkan pencapaian murid (Fleming, 2002).

Dalam hal ini, guru perlu menilai pencapaian murid secara formatif dengan menggabungkan segala aspek berikut bersama-sama rakan mereka iaitu idea, bahan bantu mengajar, strategi dan bakat (Barth, 1991). Malah, guru tidak seharusnya meletakkan had usaha sekolah untuk melaksanakan proses penambahbaikan dengan masalah disiplin murid, kekangan masa yang dimiliki guru dan pelbagai pekeliling kerajaan yang membebankan mereka (Fleming, 2002). Mereka seharusnya mengutamakan matlamat terpenting sekolah iaitu meningkatkan pencapaian murid. Selanjutnya, melaksanakan matlamat tersebut secara berpasukan (Marzano, 2003) serta bersungguh-sungguh untuk mengekalkan pelaksanaan KPP (DuFour, 2004).

Dalam mencapai matlamat tersebut, warga sekolah perlu memberikan tumpuan kepada pembelajaran berbanding pengajaran, bekerja dalam satu pasukan khususnya mengenai pembelajaran dan menumpukan hasil bagi mengetahui kedudukan semasa untuk melaksanakan proses penambahbaikan selanjutnya (Barth 1991).

Kesimpulannya, asas keberkesanan KPP adalah memenuhi hak murid untuk belajar, warga sekolah bekerja secara kolaborasi dan pihak sekolah perlu memberikan tumpuan kepada hasil KPP bagi mengenal pasti kedudukan semasa keberkesanan KPP.

## **Konsep kolaborasi dalam komuniti pembelajaran profesional**

Kolaborasi adalah mempercayai belajar dengan melakukan adalah langkah yang terbaik untuk aktiviti pembelajaran samada di bilik darjah mahupun di luar bangunan sekolah (Borrero, 2010). DuFour et al. (2008) membincangkan bahawa guru tidak boleh bergerak secara berasingan kerana pengasingan adalah musuh kepada peningkatan prestasi sekolah. *“Isolation is the enemy of school improvement”*. Oleh itu, kolaborasi adalah penting untuk menjayakan Komuniti Pembelajaran Profesional ini.

Konsep kolaborasi dalam Komuniti Pembelajaran Profesional dinyatakan dengan jelas dalam Model Dufour & Eaker (1998). Model ini turut menekankan peranan pemimpin sekolah, ibu bapa dan komuniti

sebagai memainkan peranan dalam menjayakan komuniti pembelajaran yang akan mengubah fokus kurikulum sekolah.

Golongan guru dan pemimpin sekolah mesti bekerja bersama-sama dan berkolaborasi secara natural (*nature*) untuk melaksanakan perkongsian visi, misi dan nilai. Begitu juga fokus kepada matlamat untuk meningkatkan pedagogi pembelajaran dan meningkatkan pencapaian murid. Golongan ini perlu menerima hakikat tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka untuk meningkatkan kemenjadian murid. (DuFour et al., 2008).

Dufour (2012) menyatakan dalam membina struktur kolaborasi hendaklah mempunyai tiga prinsip utama iaitu pengurusan individu kepada fokus kepada pembelajaran, menyediakan pasukan dalam tempoh masa yang mencukupi untuk berkolaborasi dan memastikan sokongan berterusan serta perkongsian tanggungjawab bersama murid. Beliau juga menyatakan asas utama Komuniti Pembelajaran Profesional ialah kolaborasi dan pemacu kepada Komuniti Pembelajaran Profesional adalah peningkatan berterusan (*continuous improvement*).

Sesebuah sekolah yang mengamalkan Komuniti Pembelajaran Profesional seharusnya menyedari kepentingan bekerja secara berpasukan. Justeru, pihak sekolah perlu mewujudkan budaya kolaborasi. Namun, sesetengah sekolah kurang menggalakkan guru untuk mewujudkan budaya kolaborasi (Boyd & Hord, 2012).

Sesebuah kolaborasi yang mantap dalam Komuniti Pembelajaran Profesional memerlukan suatu proses yang sistematik melibatkan guru bekerja dalam satu pasukan untuk menganalisis dan penambahbaikan amalan dalam bilik darjah (McLaughlin & Talbert, 2001). Dengan kata lain, guru perlu bekerja dalam satu pasukan yang berterusan sehingga mewujudkan sebuah pasukan pembelajaran. Implikasinya, usaha tersebut menghasilkan peningkatan dalam pencapaian murid (Fullan, 2001).

## Kolaborasi menurut perspektif Islam

Konsep kolaborasi dalam Islam adalah *Ta'awun* dan mempunyai dua bahagian utama. (i) *Ta'awun* dalam perkara kebaikan dan taqwa (ii) *Ta'awun* dalam perkara dosa dan permusuhan. Konsep kolaborasi dalam Komuniti Pembelajaran Profesional adalah dikira sebagai *Ta'awun* dalam perkara kebaikan kerana tujuannya adalah untuk meningkatkan kualiti guru dan prestasi pencapaian murid.

Para ulama' tafsir memberikan pelbagai tafsiran kepada ayat Al-Quran tersebut. Menurut Al-Baidhowi (2002) menyatakan ayat tersebut kepada pengampunan Allah dan meninggalkan hawa nafsu. Manakala bagi Asy-Syaukani (1997) menafsirkan ayat tersebut sebagai *Al-Birr* kebaikan adalah seperti yang diarahkan dan Taqwa adalah meninggalkan apa yang dilarang (Oleh Allah). Tafsir Ibn Kathir (2003) menjelaskan bahawa Allah menyuruh hambaNya tolong-menolong kepada perkara kebaikan dan tidak tolong-menolong kepada perkara keburukan.

Menurut Syed Qutb (2004) tafsiran ayat ini adalah mengaitkan hati dan jiwa dengan Allah, mengaitkan segala pertimbangan dan akhlak. Tafsir Al-Jalalain (1999) pula menyatakan tafsiran ayat ini kepada melakukan apa yang telah disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang.

Kesimpulannya keseluruhan tafsiran ayat ini membawa kepada amalan *Ta'awun* yang perlu dipraktikkan iaitu yang kepada kebaikan dan Taqwa, manakala melarang kepada amalan *Ta'awun* yang kepada kejahatan dan kemaksiatan.

Jika dilihat dalam hadis, Nabi Muhammad S.A.W juga mengisyaratkan kepentingan kolaborasi dalam pendidikan ini. Dalam beberapa hadis sahih, Nabi Muhammad S.A.W berusaha untuk membudayakan amalan *Ta'awun* ini. Berikut adalah hadis yang berkaitan dengan konsep ini:

Nabi S.A.W bersabda:

*Maksudnya: "Orang mukmin bagi mukmin yang lain seperti bangunan yang mengukuhkan antara satu sama lain". Kemudian Nabi S.A.W menyilangkan antara jari kedua tangannya. (Hadis Riwayat Bukhari, no. hadis: 2314)*

Perbuatan baginda menyilangkan kedua jari tangannya merupakan isyarat jelas bahawa setiap individu dalam masyarakat harus berkolaborasi dalam apa sahaja aktiviti kemasyarakatan. Pendidikan yang merupakan nadi bagi sebuah masyarakat sudah pasti memerlukan kolaborasi yang serius dari semua pihak.

### **Amalan komuniti pembelajaran profesional menurut Islam**

Ketika menawan tentera kafir dalam perang Badar, baginda mensyaratkan setiap tawanan perlu mengajarkan 10 anak orang Islam membaca dan menulis sebelum dibebaskan (*Hadis riwayat Ahmad, no. hadis: 2216 dengan sanad yang hasan*). Jika diteliti, usaha baginda ini menggambarkan kepentingan kolaborasi dalam usaha memberikan pendidikan kepada seluruh rakyat di dalam sebuah negara. Usaha ini tidak melibatkan orang Islam semata, tetapi ia mesti dijayakan oleh semua pihak.

Kolaborasi juga diperluaskan dalam menyampaikan pengajaran. Saydina Umar al-Khattab telah memberikan satu gambaran yang baik apabila beliau bergilir-gilir dengan jirannya untuk menghadiri majlis ilmu Rasulullah S.A.W disebabkan beliau mempunyai tahap komitmen yang tinggi terhadap perniagaan (*Hadis Riwayat Bukhari, no. hadis: 89*).

Berdasarkan hadis-hadis di atas, didapati Islam telah mengungguli budaya kolaborasi dalam kalangan masyarakat. Malah, aktiviti kolaborasi di dalam Islam mempunyai tujuan yang amat jelas iaitu menghindarkan diri daripada kejahilan dalam kalangan individu dan masyarakat. Hal tersebut turut diberikan perhatian dalam amalan Komuniti Pembelajaran Profesional.

DuFour (2004) menjelaskan kolaborasi dalam Komuniti Pembelajaran Profesional akan membolehkan guru berkongsi amalan pengajaran sama ada dalam bentuk pengetahuan mahupun fizikal seperti perkongsian alat bantuan mengajar. Contohnya, guru cemerlang berupaya membimbing guru novis agar guru novis berupaya didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran baru mengenai proses pengajaran dan pembelajaran (McLaughlin & Talbert, 2001).

Komuniti pembelajaran profesional adalah harapan untuk mentransformasikan budaya sekolah. Transformasi ini berlaku bermula dari pemimpin sekolah dan seterusnya kepada beberapa peringkat yang telah dicadangkan sebelum ini. Elemen yang penting dalam transformasikan budaya sekolah yang tradisi kepada komuniti pembelajaran profesional ialah: a) Kolaborasi, b) Membina misi, visi, nilai dan matlamat, c) Fokus kepada pembelajaran, d) Kepemimpinan. e) Fokus kepada perancangan peningkatan prestasi sekolah f) Penghargaan g) Tabah dan Tekun (Eaker & duFour, 2003).

Beberapa amalan Komuniti Pembelajaran Profesional yang digariskan oleh para sarjana masakini adalah seperti berikut:

(a) **Lesson study** ialah satu model perkembangan profesional guru yang diamalkan di Jepun lebih daripada seabad lamanya (Isoda et al., 2007). Namun, model ini lebih mantap pada tahun 1960an dan kini, telah menjadi sebahagian daripada budaya guru-guru Jepun khususnya di sekolah-sekolah rendah (Fernandez, 2002). *Lesson study*, dalam bahasa Jepun dikenali sebagai *Jugyoukenkyuu*. *Jugyou* bermaksud pelajaran atau pengajaran, manakala *kenkyuu* ialah kajian atau penyelidikan. Dalam erti kata lain, *Lesson study* ialah kajian, penyelidikan atau penelitian terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah. Permulaan dan perkembangan *Lesson study* ke negara-negara lain boleh dikaitkan dengan Kajian Video TIMSS (*Third International Mathematics and Science Study*) pada tahun 1995 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Amalan kolaboratif yang memerlukan penggemblengan idea, pengalaman dan kemahiran akan meningkatkan pengetahuan isi kandungan dan juga pengetahuan kandungan pedagogi guru. Proses dalam *Lesson Study* yang merangkumi perjumpaan dan perbincangan sekumpulan guru mampu memupuk percambahan ilmu, perkembangan idea serta kreativiti individu.

Amalan begini juga boleh memupuk semangat kekitaan dan rasa kepunyaan (*sense of belonging*) antara guru di sekolah. Kebaikan amalan sebegini sewajarnya dipupuk dan dimantapkan secara berterusan agar menjadi budaya kerja oleh guru-guru di sekolah seterusnya. Amalan ini diharapkan dapat

menghasilkan sekolah yang cemerlang, berkualiti dan bertaraf dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

(b) *Learning walks* diambil daripada amalan pengurusan eksekutif Hewlett-Packard yang memastikan mereka tahu apa yang berlaku dalam syarikat dengan mengamalkan sesuatu yang dikatakan mereka sebagai “pengurusan secara berjalan”. Kerangka amalan pengurusan ini kemudiannya diguna pakai secara berfokus dalam bidang pendidikan untuk memenuhi keperluan peningkatan profesionalisme keguruan dan kepentingan sekolah.

Dengan amalan ini, bukti pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas boleh dikumpul dan dijadikan contoh amalan yang terbaik Perkongsian ini boleh dilaksanakan walaupun secara pemerhatian tidak formal yang boleh merentas mata pelajaran. Apa yang penting, pada akhirnya amalan ini akan menjurus kepada peningkatan profesionalisme keguruan di semua sekolah tanpa mengira subjek, kategori dan lokasi sekolah serta kategori murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

(c) Bimbingan rakan sebaya guru atau pembimbing instruksi (*Peer coaching / instructional coaches*) merujuk kepada strategi secara sistematik untuk memerhatikan pengajaran guru lain dengan menggunakan kitaran pra konferensi, pemerhatian dan pasca onferensi. *Peer coaching* (PC) ialah salah satu strategi untuk memperbaiki pelaksanaan kurikulum terhadap strategi, teknik dan kemampuan guru dalam pembelajaran. Bimbingan rakan sebaya ialah satu proses yang melibatkan dua atau lebih rakan profesional bekerja bersama-sama untuk mencerminkan amalan semasa, berkembang, menghalusi, dan membina kemahiran baharu, berkongsi idea, mengajar antara satu sama lain, menjalankan penyelidikan bilik darjah, atau menyelesaikan masalah di tempat kerja. *Peer coaching* (PC) ialah satu situasi yang membolehkan guru berkongsi pengalaman pengajaran dan pengetahuan pedagogi di dalam bilik darjah tanpa sebarang paksaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Dengan berpandukan konsep Komuniti Pembelajaran Profesional menurut Islam transformasi pendidikan ini akan lebih berjaya. Penggabungan elemen barat dan Islam ini mampu menghasilkan dimensi yang baharu dalam Komuniti Pembelajaran Profesional.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, Komuniti Pembelajaran Profesional merupakan satu pendekatan baharu untuk membangunkan kapasiti warga sekolah. Pendekatan tersebut menekankan aktiviti pembelajaran secara berterusan tanpa mengambil kira hierarki dalam kalangan staf dan murid. Dengan melaksanakan pendekatan tersebut, tahap penglibatan warga sekolah khususnya guru dalam proses penambahbaikan sekolah adalah tinggi dan berupaya meningkatkan pencapaian diri mereka.

Hasrat tersebut akan tercapai dengan strategi kepimpinan sekolah bagi mewujudkan komuniti pembelajaran profesional. Dengan kata lain, peranan kepimpinan sekolah amat diperlukan kerana telah wujud bukti yang kukuh bahawa kepimpinan sekolah berupaya melakukan perbezaan terhadap pencapaian sekolah.

Negara dan masyarakat kita memerlukan pendidikan yang berkualiti untuk bersaing dengan cabaran globalisasi. Pemimpin sekolah, guru perlu berubah. Perubahan berlaku secara sendiri, secara diri sendiri mahu berubah setelah pelbagai cadangan diterima. Pemimpin sekolah perlu melakukan sesuatu untuk kejayaan sekolah yang bermula dari jiwanya sendiri. Begitu juga guru, guru perlu melihat pelbagai dasar dan perancangan pendidikan yang diterjemahkan melalui PPPM 2013-2015, PPPB 2014 dan banyak lagi hanyalah cadangan kepada guru.

Pemimpin sekolah dan guru perlu bertindak dengan inisiatif sendiri untuk melaksanakan semua cadangan tersebut. Jiwa pemimpin sekolah dan guru perlu menjiwai dasar dan perancangan pendidikan. Pemimpin sekolah dan guru hendaklah bersama-sama melakukan cadangan tersebut bukan kerana diarah, tetapi secara sukarela dan inisiatif sendiri. Justeru, amalan-amalan KPP untuk pemimpin sekolah boleh difikirkan bersama dan dilaksanakan dari hati sanubari pemimpin sekolah.

## Rujukan

- Ahmad Bin Hanbal (2004) *Musnad*. Bayt Afkar Addauliyah, Amman.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2001) *Demokrasi dan Kepimpinan Islam Suatu Perbandingan*. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Al-Asqalany, Ahmad Bin Ali Bin Hajar Al-Asqalany (1999) *Fathul Bari Bisyarh Sohik Bukhori*. Bait Afkar Dauliyah, Amman.
- Al-Baalbaki, Munir Al- Baalbaaaki (2004) *Al-Maurid*. Dar El-Ilm Lil Malayen, Beirut.
- Al-Baidhowi, Nasiruddin Abi Said Abdullah bin Umar bin Muhammad Asy-Syirazi Al-Baidhowi (2002) *Tafsir Baidhowi*. Dar-Albayan Arabi.
- Al-Baqi, Muhammad Fuad Abdul Baqi (2001) *Mu'jam Mufahras Lil Alfaz Al-Quran Al-Karim*. Darul Hadis, Cairo.
- Al-Jalalain, Jalaluddin Muhammad bin Ahmad bin Muhammad Al-Mahhali, Jalaluddin Abdul Rahman bin Abi Bakar As-Sayuti (1999) *Tafsir Jalalain*. Damascus. Darul Al-Kasir Al-Quran Al-Karim
- Astuto TA, Clark DL, Read A-M, McGree K, Fernandez LdeKP (1993) *Challenges to dominant assumptions controlling educational reform*. Regional Laboratory for the Educational Improvement of the Northeast and Islands, Andover, MA.
- Asy-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad Asy-Syaukani (1997) *Fathul Qodir*. Darul Ma'rifah, Beirut.
- Barth R (1991) Restructuring schools: Some questions for teachers and principals. *Phi Kappan* 73(2), 123-128.
- Borrero N (2010) *Urban school connections: A university-K-8 partnership*. Catholic Education: A Journal of Inquiry and Practice 14(1), 47-66.
- Boyd V, Hord SM (2012) Schools as learning communities. *Issues...about Change* 4(1), 1- 8.
- Dufour R, Eaker RE (1998) *Professional Learning Communities at Work. Solution Tree*. North Richland Hills, TX, United States.
- Dufour R, Eaker RE (2002) *Getting Started Reculturing Schools to Become Professional Learning Communities*. Solution Tree.
- DuFour R (2004) What is a professional learning community? *Educational Leadership* 61(8), 6-11.
- DuFour R, DuFour R, Eaker R (2008) *Revisiting professional learning communities at work: New insights for improving schools*. Solution Tree Press.
- DuFour R, DuFour R, Eaker R, Many T (2006) *Learning by doing: A handbook for professional learning communities at work*. Solution Tree, Bloomington, IN.
- Fechter WF, Horowitz RB (1991) Visionary Leadership Needed by All Managers. *Industrial Management* 33 (4), 2-5.
- Feger S, Arruda E (2008) *Professional learning communities: Key themes from the literature*. Providence, RI: The Education Alliance, Brown University. Available from: [http://www.lab.brown.edu/pubs/pd/PBS\\_PLC\\_Lit\\_Review.pdf](http://www.lab.brown.edu/pubs/pd/PBS_PLC_Lit_Review.pdf).
- Fernandez C (2002) Learning from Japanese approaches to professional development: the case of lesson study. *Journal of Teacher Education* 53(5), 393–405.
- Fleming GL (2002) Principal and teachers: Continuous learners. *Issues...about Change* 7(2), 1-9.
- Fullan M (2001) *Leading in a culture of change*. Jossey- Bass, San Francisco.
- Hord SM (1997) *Professional learning communities: Communities of continuous inquiry and improvement*. Southwest Educational Development Laboratory, Austin, TX.
- Hord SM (2004) *Learning together, leading together: Changing schools through professional learning communities*. Teacher's College Press, New York, NY.
- Hord SM (2008) Evolution of the professional learning community. *Journal of Staff Development* 29(3), 10-13.
- Ibn Kathir, Ismail bin Kathir al-Qurasyi al-Dimasyqi (2003) *Tafsir al-Qur'an al Azim*. Dar al-Usamah, Amman.



- Isoda M, Stephens M, Ohara Y, Miyakawa T (2007) *Japanese Lesson Study in Mathematics: Its Impact, Diversity and Potential for Educational Improvement*. World Scientific Publishing, Singapore.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) *Modul Komuniti Pembelajaran Profesional*. Bahagian Pendidikan Guru.
- Marzano RJ (2003) *What works in schools: Translating research into action*. ASCD, Alexandria, VA.
- McLaughlin MW, Talbert JE (2001) *Professional Communities and the Work of High School Teaching*. University of Chicago Press, Chicago.
- Mid-continent Research for Education and Learning (McREL) (2003) *Sustaining school improvement: Professional learning community*. Available from: [http://www.mcrel.org/pdf/leadershiporganizationdevelopment/5031TG\\_proflearncommfolio.pdf](http://www.mcrel.org/pdf/leadershiporganizationdevelopment/5031TG_proflearncommfolio.pdf).
- Murphy C, Lick D (2004) *Whole faculty study groups: Creating professional learning communities that target student learning*. (C. Press, Ed.) (3rd Editio). Thousand Oaks, CA.
- Protheroe N (2008) Developing your school as a professional learning community. *NAESP Research Roundup*. Available from: <http://www.naesp.org/ContentLoad.do?contentId=1094>.
- Reichstetter R (2006) *Defining a professional learning community: A literature review*. E&R Research Alert, #06.05. Available from: [http://www.wcpss.net/evaluation-research/reports/2006/0605plc\\_lit\\_review.pdf](http://www.wcpss.net/evaluation-research/reports/2006/0605plc_lit_review.pdf).
- Senge P (1990) The leader's new world: Building learning retention. *Educational Leadership*, 47, 84-88
- Stoll L, Bolam R, McMahon A, Thomas S, Wallace M, Greenwood A, Hawkey K (2005) *What is a professional learning community? A summary*. Available from: <http://www.decs.sa.gov.au/docs/documents/1/ProfessionalLearningComm-1.pdf>.
- Syed Qutb (2004) *Fi Zilalil Quran*. Dar Asyaruq, Beirut.